

167

SOALAN NO. 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]**

**TARIKH : 8 MAC 2018 [ KHAMIS ]**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan dan perancangan pihak Kementerian untuk meminda dasar dan menggubal undang-undang sehingga membolehkan jumlah perwakilan wanita di Dewan Rakyat mencapai 30%.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa serius dalam memperjuangkan peranan wanita dalam bidang politik walaupun pencapaian wanita dalam bidang politik di Malaysia pada masa kini masih rendah. Rekod terkini mencatatkan peratusan ahli Dewan Rakyat wanita adalah 10.8% iaitu 24 kerusi daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan. Bagi Dewan Negara pula, peratus wanita dalam kalangan Ahli Dewan Negara ialah 17.1% iaitu 12 kerusi daripada keseluruhan 70 kerusi.

Komitmen Kerajaan dibuktikan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Wanita Dalam Politik 2017 (WIPKL) pada 4 Disember 2017 di Kuala Lumpur yang memberi jaminan peratusan 30% wanita di dewan negara akan dipenuhi bagi sesi parlimen yang akan datang. Persidangan tersebut telah berjaya mendapatkan

penyertaan 18 negara yang mewakili 28 parti politik di seluruh dunia. Ini merupakan satu petanda baik bahawa masyarakat antarabangsa menghormati dan menyambut baik serta mempercayai sistem politik di Malaysia yang tidak pernah meminggirkan wanita untuk berkecimpung di arena politik.

Antara tindakan yang diperakukan oleh Kerajaan bagi meningkatkan peratusan wanita dalam politik di bawah Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita adalah:

- (i) mengadakan latihan membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda;
- (ii) mengadakan latihan kepekaan gender kepada ahli politik / individu yang cenderung kepada politik;
- (iii) memberi kesedaran gender dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita kepada pemimpin di setiap peringkat dalam sektor politik;

- (iv) mengenal pasti dan mengiktiraf serta menyediakan senarai bakal pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber di semua peringkat kepimpinan organisasi politik;
- (v) memberi penugasan substantif kepada sekurang-kurangnya 30% pemimpin wanita berdasarkan kebolehan dan kompetensi;
- (vi) mengenal pasti halangan untuk menceburi bidang politik dan kepimpinan;
- (vii) memberi latihan dan kempen kesedaran dalam kalangan ahli politik wanita bagi membolehkan mereka mengatasi halangan yang dikenal pasti; dan
- (viii) menggalakkan parti politik mengadakan pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam barisan kepimpinan.

Bagi memartabatkan peranan wanita dalam bidang politik, parti-parti politik perlu terlebih dahulu menghayati Pelan Tindakan Pembangunan

Wanita. Kesediaan, komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry point* akan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya serta Ahli Dewan Negara.

Pihak Kementerian dengan kerjasama *United Nation Development Program* (UNDP) kini sedang dalam proses menyiapkan kajian *gender mainstreaming* bagi melihat keperluan untuk meminda dasar atau mewujudkan undang-undang berkaitan penglibatan wanita dalam bidang politik.